



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**PEMEROLEHAN BAHASA KANAK-KANAK LELAKI MELAYU
BERASASKAN TEORI MENTALIS**

MUHAMAD RAUS BIN BAHARUDDIN



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**PROJEK SARJANA DIKEMUKAKAN BAGI
MEMENUHI SYARAT UNTUK MEMPEROLEH
IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN**

**FAKULTI BAHASA
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2008



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

DEDIKASI UNTUK ...

**BONDA DAN AYAHANDA YANG DIKASIHI,
Doa kalian mengiringi kejayaanku.**

**ISTERI DAN PUTERA-PUTERA SERTA PUTERI TERCINTA,
Pengorbanan kalian
Tetap bersemadi di jiwa.**



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

PENGAKUAN

Saya mengaku karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang setiap satunya saya jelaskan sumbernya.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

04.04.2008

.....
MUHAMAD RAUS BIN BAHARUDDIN
M20061000097



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



PENGHARGAAN

Bersyukur ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan limpah serta keizinan-Nya maka kajian yang bertajuk Pemerolehan Bahasa Kanak-Kanak Lelaki Melayu Berasaskan Teori Mentalis dapat disempurnakan.

Pada kesempatan ini saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Penyelia saya, Profesor Emeritus Dr. Abdullah Hassan yang telah banyak memberi bimbingan dan dorongan serta tunjuk ajar yang amat berharga dalam menyempurnakan projek sarjana ini. Segala bimbingan serta pedoman yang diberikan akan menjadi pegangan saya untuk terus maju dalam bidang akademik. Di samping itu, saya juga merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada pensyarah-pensyarah kursus yang telah memberi bimbingan dan tunjuk ajar yang berguna sepanjang pengajian saya di sini.

Tanpa sampel, kajian ini tiadalah dapat dilakukan. Oleh yang demikian, saya juga ingin merakamkan penghargaan dan terima kasih yang tidak terhingga kepada sampel kajian, iaitu, Muhammad Faris Bin Muhamad Raus (anak pengkaji), dan kepada semua ahli keluarga yang telah banyak membantu sehingga kajian ini dapat diselesaikan.

Saya juga ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada rakan-rakan seperjuangan, Pegawai-pegawai Perpustakaan Universiti Pendidikan Sultan Idris, Perpustakaan Universiti Putra Malaysia, Perpustakaan Awam Kuala Kangsar, dan Perpustakaan Sek. Men. Keb. Raja Perempuan Kelsom, Kuala Kangsar yang telah banyak memberi kerjasama dan membantu saya mendapatkan bahan-bahan rujukan yang berkaitan dengan kajian yang saya jalankan.

Akhir sekali, semoga hasil penulisan dan kajian saya ini akan dapat membantu dan memberi manfaat kepada pengkaji-pengkaji, penyelidik-penyelidik, penerbit buku dan semua insan yang cinta akan ilmu pengetahuan.

Sekian, wassalam.

MUHAMAD RAUS BIN BAHARUDDIN
M20061000097
Fakulti Bahasa
Universiti Pendidikan Sultan Idris,
35900 Tanjong Malim,
Perak Darul Ridzzuan.





ABSTRAK

Kajian ini merupakan kajian kes yang bertujuan untuk mengenal pasti pemerolehan bahasa kanak-kanak Melayu berasaskan Teori Mentalis. Tumpuan analisis adalah kepada pemerolehan bahasa dari segi fonologi, morfologi, dan cara kanak-kanak menguasai bahasa untuk berkomunikasi. Oleh itu, satu pemerhatian telah dijalankan secara jangka panjang (longitudinal) terhadap sampel kajian untuk melihat kecekapan berbahasa kanak-kanak. Kaedah pengumpulan data dilakukan dengan cara mencatatkan dalam buku catatan dan alat rakaman. Segala data dianalisis kembali mengikut tafsiran penulis berdasarkan teori-teori yang berkaitan. Hasil daripada kajian yang dijalankan mendapati faktor LAD (Language Acquisition Device) yang dinyatakan oleh teori mentalis serta faktor dalam diri kanak-kanak tersebut merupakan faktor penting dalam mempengaruhi aspek pemerolehan dan kecekapan berbahasa kanak-kanak. Hasil kajian juga mendapati bahawa apabila kanak-kanak menjangkau usia tiga tahun, mereka sangat kreatif dalam berbahasa. Kekreatifan ini banyak bergantung kepada proses pemikirannya.





ABSTRACT

The purpose of this study was to determine language acquisition among Malay children based on mentalist theory. This study was also aimed to find out language acquisition through the aspect of phonology, morphology and style of communication among Malay children. This study was investigate using observation method where the writer has used cassette player and a note book to collect data. All the data were analysed according to the writer interpretation based on the related theories. Result of this study showed that the Language Acquisition Device (LAD) as stated by mentalist theory together with the inner factors in influencing the language acquisition aspect and competence process of children. The result of the research also showed that the children at the age at three years were very creative in speak. The degree of creativity depends much on the thinking process.



KANDUNGAN

Muka surat

PENGAKUAN	ii
PENGHARGAAN	iii
ABSTRAK	iv
ABSTRACT	v

BAB 1 PENDAHULUAN

1.1	Latar Belakang	1
1.2	Pernyataan Masalah	12
1.3	Tujuan Kajian	15
1.4	Kepentingan Kajian	16
1.5	Batasan Kajian	17
1.6	Definisi Operasional	18
1.6.1	Pemerolehan Bahasa	19
1.6.2	Fonologi	20
1.6.3	Morfologi	21
1.6.4	Komunikasi	22
1.6.5	Sintaksis	23
1.6.6	Kanak-kanak	24

BAB 2 TINJAUAN LITERATUR

2.1	Pengenalan	25
2.2	Teori-teori Penguasaan Bahasa	26
	i. Teori Struktural	27
	ii. Teori Behavioris	29
	iii. Teori Mentalis	31
2.3	Konsep Penguasaan Bahasa	36
2.4	Kajian Tentang Pemerolehan Sintaksis	41
2.5	Pemerolehan Sintaksis Kanak-Kanak	44
2.6	Pemerolehan Fonologi Kanak-Kanak	48

BAB 3 METODOLOGI

3.1	Pengenalan	51
3.2	Reka Bentuk Kajian	
	3.2.1 Kerangka Teori	51
	3.2.2 Tempat Kajian	55
	3.2.3 Pendekatan Kajian	56
	3.2.4 Kaedah Kajian	58
3.3	Sampel Kajian	59
3.4	Alat Kajian	60
3.5	Prosedur Pengumpulan Data	60
3.6	Prosedur Penganalisan Data	61
3.7	Kesimpulan	61

BAB 4 DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

4.1	Pengenalan	62
4.2	Perihaln Sampel	63
4.3	Dapatan Kajian	
4.3.1	Soalan Kajian 1	63
4.3.2	Soalan Kajian 2	70
4.3.3	Soalan Kajian 3	78

BAB 5 RUMUSAN DAN CADANGAN

5.1	Pendahuluan	102
5.2	Kesimpulan	103
5.3	Cadangan	106
5.3.1	Ibu Bapa / Penjaga	106
5.3.2	Guru	107
5.4	Cadangan Kajian Selanjutnya	107

RUJUKAN	109
---------	-----

LAMPIRAN	111
----------	-----



BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Latar Belakang



Bahasa adalah alat yang digunakan oleh manusia untuk berhubung dengan manusia yang lain dengan menggunakan bunyi-bunyi yang dikeluarkan oleh alat ujaran yang terdapat dalam tubuh mereka. Bunyi-bunyi ini tersusun menurut hukum-hukum yang ada dalam sesuatu masyarakat pengguna bahasa tertentu, sehingga dapat melambangkan bukan sahaja buah fikiran yang sudah dan sedang dilahirkan, tetapi juga yang akan dilahirkan.

Dari saat lahirnya, seseorang bayi itu sudah mengeluarkan bunyi dari mulutnya dalam bentuk tangisan. Ini adalah cara perhubungan antara bayi itu dengan ibunya atau orang-orang di sekitarnya, yakni cara bayi itu menyatakan bahawa dia lapar, sakit, mengantuk dan sebagainya. Namun begitu, cara ini tidak





dikatakan bahasa, kerana tidak mempunyai pola-pola yang teratur yang secara berulang dapat menyampaikan fikiran dan perasaan dengan setepat-tepatnya. Seseorang bayi yang boleh dikatakan mempunyai bahasa ialah apabila dia dapat menghasilkan dan membezakan satu bunyi ujaran dari bunyi ujaran yang lain dalam hubungannya dengan orang lain.

Kanak-kanak mendengar ujaran bahasa semenjak dilahirkan di dunia, iaitu, daripada orang-orang yang rapat dengan mereka, yang berinteraksi sesama sendiri dekat mereka, secara spontan dalam bentuk interaksi sosial yang tinggi (Cazden, 1972:3). Interaksi itu sama ada secara kata-kata atau “bukan kata” tetapi yang penting ada kaitan dengan ujaran.



Ahli-ahli bahasa semenjak zaman dahulu lagi telah berminat dan mencuba mencari jawapan tentang bagaimana kanak-kanak memperoleh bahasa ibu. Oleh sebab bahasa yang diperoleh kanak-kanak itu dalam bentuk asal iaitu lisan, ahli-ahli bahasa menghadapi masalah menentukan teori pemerolehan bahasa jika dibandingkan dengan penguasaan bahasa tulisan, iaitu melalui membaca dan menulis. Apabila teori penguasaan bahasa secara semula jadi yang digunakan oleh pengikut-pengikut aliran nativist (Halliday, 1975) mula terkenal, ahli-ahli bahasa percaya bahawa kanak-kanak belajar bahasa tanpa aturan-aturan hipotetik (secara andaian) bagi bahasa yang dituturkan. Pandangan ini bertentangan dengan pandangan ahli-ahli bahasa aliran alamiah yang percaya bahawa penguasaan





bahasa kanak-kanak berkait rapat dengan pengaruh dan kesan alam keliling mereka.

Proses-proses yang menghasilkan kemahiran berbahasa adalah berbeza, terutama untuk memperoleh kemahiran atau penguasaan dalam bahasa pertama dan kedua. Perbezaan ini jelas diketahui apabila istilah yang digunakan untuk menggambarkan kedua-dua bentuk proses ini adalah berbeza. Bagi bahasa pertama, istilah ‘pemerolehan’ digunakan, manakala bagi bahasa kedua, istilah ‘pembelajaran’ digunakan. Oleh hal yang demikian, terdapat dua proses bagaimana kanak-kanak menguasai bahasa. Kanak-kanak menguasai bahasa boleh melalui proses semula jadi atau berdasarkan proses yang terancang.



Pemerolehan bahasa pada kanak-kanak tidak dapat lari daripada perkembangan psikologi kanak-kanak. Hal ini demikian kerana pemerolehan bahasa berlaku dari satu tahap ke satu tahap yang lain. Pemerolehan bahasa pertama dianggap oleh sesetengah ahli bahasa berlaku sejak seseorang itu masih di dalam kandungan ibunya lagi. Tegasnya, bahasa pertama ini akan dikuasai oleh individu secara semula jadi melalui proses ‘pemerolehan bahasa’. Hal ini bermakna bahawa bahasa pertama pada dasarnya dapat dikuasai oleh seseorang tanpa melalui proses pembelajaran secara formal.

Menurut Simanjuntak(1987:57), pemerolehan bahasa ialah proses-proses yang berlaku di dalam otak seseorang kanak-kanak (bayi) sewaktu memperoleh





bahasa ibundanya. Pemerolehan bahasa pertama ini terjadi apabila anak yang belum pernah belajar bahasa apa pun, mulai belajar bahasa untuk pertama kali.

Proses-proses yang berlaku sewaktu kanak-kanak sedang memperoleh bahasa ibundanya terdiri daripada dua jenis. Jenis pertama ialah perlakuan (performance) yang terdiri daripada proses-proses pemahaman dan proses-proses penerbitan. Kedua ialah kecekapan (competence). Kedua-dua proses ini adalah berbeza kerana perlakuan merujuk kepada aktiviti-aktiviti mengamati, memahami dan menerbitkan ayat daripada bahasa yang didedahkan, manakala kecekapan bermaksud pengetahuan bahasa yang dikuasai secara tidak sedar yang mungkin berlaku pada masa seseorang itu mengamati atau memahami bahasa yang didedahkan kepadanya.



Dalam mengkaji proses pemerolehan bahasa, terdapat dua teori yang ditimbulkan oleh kedua-dua golongan ahli bahasa yang berpegang kepada paradigma behaviouris dan mentalis. Kedua-dua golongan bahasa ini menghuraikan fenomena bahasa dengan cara yang seringkali bertentangan antara satu sama lain.

Golongan behaviouris menyatakan bahawa penguasaan bahasa daripada rangsangan dan gerak balas. Golongan ini menganggap perkembangan penguasaan bahasa adalah hasil langsung daripada perkembangan sistem kognitif dan kemungkinan interaksi psikososio antara kanak-kanak dengan persekitaran





mereka. Golongan ini juga berpendapat bahawa penguasaan sintaksis oleh kanak-kanak dikatakan berpunca daripada pengaruh persekitaran. Dengan kata lain, ia ditafsirkan sebagai terhasil daripada aktiviti pemerhatian dan peniruan yang dilakukan oleh kanak-kanak terhadap pertuturan para penjaga dan orang-orang dewasa lain yang mempunyai intensiti interaksi yang tinggi dengan mereka.

Penyelidikan yang dilakukan oleh para penyelidik daripada golongan behaviouris cuba membuktikan bahawa bahasa yang dikuasai oleh kanak-kanak adalah hasil daripada aktiviti peniruan yang mereka lakukan. Orang-orang dewasa memberikan rangsangan-rangsangan bahasa yang secukupnya dan dalam bentuk yang mudah diterima. Pemerolehan sintaksis dipersepsikan sebagai bersifat mekanikal dan dikuasai menerusi proses peniruan berdasarkan prinsip-prinsip rangsangan dan gerak balas (Zulkefly Hamid, 1994:9).

Golongan mentalis pula berpendapat bahawa penguasaan bunyi-bunyi bahasa tidak dianggap berlaku menerusi proses semata-mata, tetapi dianggap melibatkan organisasi minda. Mereka menekankan kepentingan faktor-faktor dalaman seperti alat pemerolehan bahasa semula jadi seperti yang disarankan oleh Noam Chomsky (1981:88).

Pendekatan golongan mentalis didasarkan kepada “The Innateness Hypothesis” yang menghuraikan bahawa otak manusia telah diprinsipkan secara semula jadi untuk berbahasa. Chomsky sebagai tokoh penting dan pelopor aliran



mentalis ini mempercayai bahawa di dalam otak manusia terdapat unsur yang dikatakan sebagai struktur bahasa sejagat atau LAD (Language Acquisition Device). Di dalam LAD ini terdapat “the innate scheme” atau skema nurani. Dari sinilah, proses pemerolehan atau penguasaan bahasa ini boleh dikembangkan dan diperkukuhkan (Chomsky:1968).

Sehubungan dengan pendekatan di atas Teori Firth (yang telah diajukan oleh John Rupert Firth) mengatakan bahawa struktur sesuatu bahasa itu mempunyai lima tingkatan. Tingkatan-tingkatan itu ialah tingkat fonetik, tingkat leksikon, tingkat morfologi, tingkat sintaksis dan tingkat semantik (Firth, 1996).

Seseorang kanak-kanak itu akan belajar bercakap bermula daripada tingkat paling bawah, mungkin daripada satu kata berkembang hingga kepada dua kata atau lebih hingga membina satu perkataan. Dari sinilah bahasa itu akan dikembangkan kepada bentuk yang lebih kompleks. Proses pemerolehan bahasa akan berkembang mengikut urutan jadual semula jadi yang sama erat hubungannya dengan proses kematangan kanak-kanak itu.

Mengikut Lawton (1973:14) tentang hal ini ialah;

A baby clearly comes into the world with an unfinished Mind, and as he grows nature, he slowly involve into a Mature adult capable of performing fantastic computer – like operations...

Piaget (1959) dalam bukunya “The Language and Thought of the Child” berpendapat bahawa perkembangan bahasa bergerak selari dan merupakan



bahagian daripada perkembangan kognitif umum kanak-kanak. Menerusi Teori Pertumbuhan Kognitif, Piaget berpendapat, seseorang kanak-kanak mempelajari segala sesuatu mengenai dunia melalui tindakan-tindakan dan perilakunya dan kemudian melalui bahasa.

Piaget telah membahagikan tingkat perkembangan mental kanak-kanak kepada empat tahap dan ciri-ciri ini berbeza-beza. Tahap-tahap itu ialah:

A. Sensorimotor (dari saat kelahiran hingga 2 tahun)

- ix. Sebahagian besar pergerakannya dirangsang.
- ii. Tidak boleh atau tidak ada bahasa.
- iii. Hanya menggunakan sedikit fikiran setelah beraksi.
- iv. Belajar mengenal objek.
- v. Pada akhir tempoh 2 tahun mula mengenal ibu bapa dan mengenal nama-nama binatang.
- vi. Faktor masa – hanya kalakini (present tense).
- vii. Kawasan – hanya mengenal tempat dia berada sahaja, iaitu di sekitar rumah sahaja.

B. “Pre-operational” (2 hingga 7 tahun)

- i. Bahasa mula berkembang.
- ii. Tidak boleh berfikir secara abstrak.
- iii. Egosentrik





- iv. Tidak berfikiran terbalik (inverse).
- v. Bertindak atas rangsangan sendiri.
- vi. Pemikiran statik.
- vii. Faktor masa – berfikir tentang masa ini, masalah, masa depan; tetapi jangka masa sangat pendek.
- viii. Kawasan - sekitar pekarangan rumah, kawasan jiran dan kebun di belakang rumah.

C. “Concrete Operational” (7 hingga 11 tahun)

- i. Membuat operasi, menggabung, menceraikan, menarab, membahagi, mengarah, menambah, membuang dan sebagainya. Mula berupaya berfikir secara kritis.



D. “Formal Operational” (11 hingga 15 tahun)

- i. Melahirkan pemikiran “hypothetical and propositional”.
- ii. Boleh menilai sendiri proses pemikiran dan bersifat refleksif.
- iii. “Synthesize”.
- iv. Berangan-angan.
- v. Membuat sesuatu yang abstrak dan berupaya berfikiran secara konsep (Conceptual Thinking).





Pembahagian peringkat umur mengikut Piaget seperti di atas memperlihatkan perkembangan emosi dan pemikiran seseorang kanak-kanak daripada mula lahir hingga mencapai tahap remaja. Perkembangan di atas hanya akan berlaku sekiranya kanak-kanak itu terdedah kepada persekitaran yang sihat.

Pendedahan kepada persekitaran adalah salah satu syarat yang sangat diperlukan jika seseorang ingin menguasai sesuatu bahasa di dunia. Pendedahan kanak-kanak terhadap persekitaran bahasa dalam lingkungan kehidupannya dan latihan akan memberikan pengalaman berbahasa yang sangat berguna kepada kanak-kanak tersebut. Mengikut Dulay et.al (1982), persekitaran bahasa yang meliputi semua yang didengar dan dilihat oleh kanak-kanak dalam bahasa sasaran akan banyak memberi pengalaman.



Secara umum, penyelidik-penyelidik dalam bidang pemerolehan bahasa menganggap bahawa pemerolehan sintaksis hanya bermula apabila kanak-kanak dapat menggabungkan dua atau lebih kata. Dengan kata lain, peringkat satu kata atau yang sering disebut holofrasa tidak dianggap sebagai titik permulaan penggunaan sintaksis (Zulkifly Hamid, 1990:329).

Steinberg (1982:157) telah membahagikan peringkat perkembangan penguasaan sintaksis kepada tiga tahap, iaitu tahap telegraf, tahap morfem dan tahap transformasi (Zulkifly Hamid, 1994:7).





Pada tahap **telegraf**, kanak-kanak mengucapkan gabungan kata secara amat ringkas, seolah-olah berlaku penjimatan kata yang keterlaluan. Pada tahap ini, kanak-kanak jarang sekali mengucapkan kata-kata tugas. Ayat dibina dengan kata-kata ini sahaja, contohnya, “mak eleh” yang bermaksud “emak tak boleh buka”, “mak bat” yang bermaksud “emak, saya hendak makan ubat” dan sebagainya. Pada tahap ini kanak-kanak belum dapat menggunakan morfem-morfem terikat.

Pada tahap **morfem**, kanak-kanak mula menggunakan kata-kata dengan lebih rencam daripada telegraf. Kata-kata tugas mula wujud dalam ayat kanak-kanak, seperti “emak bukakan”, “emak, pakaikan”, “emak belikan buku itu” dan seterusnya.



Pada tahap **transformasi**, kanak-kanak telah menguasai kebolehan untuk menukarkan bentuk-bentuk yang sederhana kepada bentuk yang lebih rencam. Kanak-kanak sudah menguasai kebolehan untuk melakukan pronominalisasi membentuk ayat-ayat nafian dan juga ayat-ayat pertanyaan walaupun berkemungkinan ayat-ayat tersebut tidak gramatis. Ayat-ayat bahasa Melayu yang dihasilkan oleh kanak-kanak pada tahap ini adalah seperti “tak mahu makan”, “tak mahu minum”, “tak sedap” dan sebagainya (Zulkifly Hamid, 1994:78).

Menurut Awang Mohd Amin (1979:9) banyak penyelidik berpendapat bahawa jangka masa antara 1-5 tahun umur kanak-kanak adalah waktu



penguasaan bahasa yang paling kritikal. Hal ini juga telah dibincangkan oleh Clark (1970:269) yang menyatakan bahawa dalam tempoh lima tahun, kanak-kanak (dalam hal ini, kanak-kanak itu tidak mengalami kecacatan pada alat-alat pertuturan atau alat-alat lain) yang berhubung dengan penghasilan bahasa yang ada padanya dapat mengumpulkan pengalaman untuk berbahasa.

Dalam jangka masa kritikal, kanak-kanak sangat mudah menerima pengaruh bahasa pertama yang didedahkan kepadanya. Kanak-kanak dapat menguasai dengan cara bukan melalui proses pembelajaran. Pemerolehan bahasa ini juga boleh difahami sebagai pembelajaran bahasa ke peringkat yang cukup untuk berhubung dengan individu lain dalam masyarakat. Oleh itu, pemerolehan bahasa pertama merupakan situasi pembelajaran yang bersahaja dan tidak secara formal. Kanak-kanak yang mempelajari bahasa pertama akan mengalami dua peringkat penguasaan bahasa seperti;

- a. Bahasa pertama pada masa kecil. Pada peringkat ini pertuturan kanak-kanak merupakan yang dihalakan kepada diri sendiri dan bukannya untuk perhubungan dalam masyarakat. Keadaan ini berterusan sehingga kanak-kanak itu berumur 4 tahun.
- b. Bahasa pertama yang dipelajari setelah besar dan dipraktikkan di sekolah. Ini membolehkan kanak-kanak bertutur dengan ahli masyarakat, ibu bapa dengan cara yang lebih baik dan berkesan. (Atan Long, 1998:228)

Berdasarkan pendapat-pendapat yang dikemukakan itu, dapatlah kita menyatakan bahawa pemerolehan bahasa kanak-kanak berlaku dengan aktifnya

pada kanak-kanak dalam lingkungan umur dua hingga enam tahun. Kebanyakan hasil penyelidikan bahasa mendapati bahawa jangka masa pemerolehan bahasa yang paling kritikal dalam kalangan kanak-kanak ialah antara umur satu hingga lima tahun. Sekiranya jangka masa ini terlangkau, maka perkembangan bahasa akan terhalang. Kebanyakan ahli psikolinguistik berpendapat bahawa kanak-kanak akan mengalami kesukaran untuk menguasai bahasa secara pemerolehan sesudah berumur 13 tahun. Sebaliknya, kanak-kanak itu lebih cenderung menguasai bahasa melalui proses pembelajaran yang berat. Selain itu, mutu bahasa yang diperoleh kanak-kanak pada masa itu bergantung kepada bahasa yang mula-mula didedahkan. Namun demikian, ini tidak bermakna orang dewasa tidak dapat memperoleh bahasa, tetapi pada kadar yang lebih perlahan berbanding dengan kanak-kanak.

1.2 Pernyataan Masalah

Kebanyakan ibu bapa mengalami perasaan bimbang apabila anak mereka lambat bertutur apabila mencapai umur 10 bulan. Mereka berasa bimbang kalau anak mereka tidak normal. Ibu bapa runsing apabila anak-anak yang sudah berumur 2 tahun (mulai 20 bulan) masih tidak dapat bertutur seperti orang dewasa. Ibu bapa sepatutnya tidak perlu runsing kerana pada peringkat ini kanak-kanak, dari segi fisiologinya, masih tidak dapat mengawal sistem artikulasi dengan sempurna. Walaupun mereka ada LAD (Language Acquisition Device), tetapi mereka perlu



belajar bahasa dengan pengalaman sendiri, mendengar dan meniru pertuturan orang-orang yang rapat dengan mereka ataupun melalui interaksi. Oleh hal yang demikian, ibu bapa dan ahli keluarga perlu memahami fenomena ini yang ada kaitannya dengan bahasa kanak-kanak.

Kanak-kanak memiliki fikiran yang mengandungi idea, perasaan, dan kehendak, dan fikiran ini wujud dalam akal budinya secara bebas sebelum wujudnya bahasa. Hal yang menjadi masalah bagi kanak-kanak mempelajari bahasa adalah untuk menentukan fikiran dalam akal budinya untuk dikaitkan dengan bahasa pertuturan di dunia fizikalnya. Untuk itu, kanak-kanak harus memperoleh satu sistem bahasa, yakni sistem yang boleh mengemukakan cara untuk menyampaikan fikiran dalam bentuk kata, dan kata-kata itu boleh ditafsirkan sebagai fikiran. Kanak-kanak mula mempelajari sistem bahasanya dengan mendengar ujaran yang dituturkan oleh orang yang hampir dengannya yang dikaitkan dengan benda, peristiwa, dan keadaan. Rangsangan-rangsangan persekitaran inilah (jenis bukan bahasa) yang membekalkan kanak-kanak dengan petunjuk tentang bunyi bahasa yang dikaitkan dengan idea yang ada dalam fikirannya.

Bahasa adalah suatu sistem simbol yang mempunyai makna. Bahasa dikawal oleh tatabahasa, iaitu sejumlah hukum atau peraturan yang mengawal penggunaan simbol seperti kata dalam susunan huruf. Bahasa lahir sebagai asas





keperluan manusia untuk berkomunikasi. Oleh sebab itu, bahasa mempunyai kaitan yang rapat dengan pembentukan konsep dan pemikiran penggunanya. Konsep dan pemikiran bertindak sebagai kandungan bahasa, dan bahasa ialah wahana fikiran.

Kanak-kanak mempelajari sesuatu kata dengan sangat cepat. Kajian menunjukkan bahawa kanak-kanak mendengar suatu kata baharu dan kemudian membuat hipotesis tentang kata itu. Pada tahap tinggi, perkembangan linguistik masih mendahului perkembangan bahasa. Dalam hal ini, apabila kanak-kanak sudah mengenali alam sekelilingnya dan mempunyai naluri untuk mengetahui sesuatu perkara itu dengan lebih lanjut, mereka akan sering mengemukakan pertanyaan untuk mendapat jawapan yang pasti. Dalam pertuturan kanak-kanak, menginterpretasikan makna ujaran dengan pendekatan pragmatik amat menarik kerana usaha ini dapat menyerlahkan kebolehan kanak-kanak menyampaikan segala pengalaman, dan mencipta pelbagai bentuk konsep berdasarkan pengetahuan yang telah diperolehi, dan bahasa yang telah dikuasai. Walau bagaimanapun, ada kalanya pertuturan mereka didapati kabur kerana perkataan yang digunakan untuk membentuk konsep adalah sewenang-wenangnya (Zaitul Azma, 2000).

Oleh itu, kajian ini akan memfokuskan perbincangan terhadap perkembangan pemerolehan bahasa kanak-kanak dari bulan ke bulan dalam



jangka masa hampir dua tahun. Aspek penggunaan bahasa ditumpukan kepada pemerolehan bahasa pertama kanak-kanak Melayu dari segi penguasaannya secara umum terhadap fonologi, morfologi, sintaksis, dan juga kesesuaian jenis-jenis kata yang diujarkan oleh kanak-kanak pada usia sebegini.

1.3 Tujuan Kajian

Tujuan kajian ini adalah untuk memperhati dan melaporkan tahap pemerolehan dan penguasaan bahasa kanak-kanak yang berumur lebih daripada dua tahun. Secara khusus tujuan kajian ini adalah untuk melihat tahap penguasaan bahasa kanak-kanak lelaki berumur dua tahun dari segi perkembangan fonologi dan morfologi yang diperolehnya dalam tempoh hampir dua tahun kajian ini dibuat.

Di samping itu, kajian ini juga untuk melihat cara kanak-kanak berkomunikasi, binaan ayat yang digunakan, dan juga untuk mengenal pasti dan melihat faktor-faktor yang mempengaruhi pemerolehan sintaksis kanak-kanak tersebut.

Secara ringkasnya, tujuan kajian ini adalah untuk mencari jawapan bagi soalan-soalan yang berikut;

1. Bagaimanakah perkembangan bunyi bahasa yang dikuasai oleh kanak-kanak pada usia dua tahun hingga mencapai usia empat tahun?
2. Bagaimanakah perkembangan morfologi yang dikuasai oleh kanak-kanak pada peringkat ini?
3. Bagaimanakah kanak-kanak menguasai bahasa untuk berkomunikasi?

1.4 Kepentingan Kajian:

Kajian-kajian yang berkaitan dengan pemerolehan bahasa kanak-kanak Melayu di Malaysia amat kurang dilakukan. Dalam memahami sistem ujaran kanak-kanak atau perlakuan bahasanya, aspek makna menjadi sesuatu yang amat dipentingkan kerana kajian bahasa itu sendiri tidak dianggap sempurna dan bermakna tanpa unsur makna atau semantik. Oleh itu, adalah perlu dan bersesuaian kajian ini dijalankan ke atas kanak-kanak Melayu di negara kita, supaya kita mendapat gambaran dan maklumat yang jelas terhadap tahap perkembangan dan penguasaan bahasa kanak-kanak Melayu. Kajian ini mempunyai beberapa tujuan, iaitu:

1. Kajian ini dapat memberikan maklumat sebenar kepada penyelidik tentang pemerolehan bahasa kanak-kanak dari segi perkembangan dan kemahirannya dalam berbahasa bermula dari usia dua tahun.
2. Kajian ini juga dapat memberikan maklumat sebenar kepada penyelidik terhadap perkembangan kognitif kanak-kanak pada usia sebegini.
3. Pengujian teori-teori linguistik dalam kajian pemerolehan bahasa kanak-kanak membantu penyempurnaan pengetahuan kita mengenai hakikat manusia.



Selain itu, kajian ini juga dapat membantu mempertingkatkan pengajaran guru-guru terutamanya di peringkat tadika, prasekolah dan sekolah rendah dalam memahami pemerolehan bahasa kanak-kanak. Hasil kajian ini akan dapat dijadikan panduan oleh penggubal dasar di Kementerian Pelajaran tentang sukatan pelajaran di peringkat prasekolah dan sekolah rendah. Oleh hal yang demikian, diharapkan hasil kajian ini dapat membantu guru-guru menghasilkan kaedah dan teknik dalam memperkembangkan idea serta pemikiran kanak-kanak dalam pengajaran bahasa dan dapat memberi peluang kepada kanak-kanak untuk berkomunikasi tanpa ada batas sempadan. Di samping itu, kajian ini juga diharapkan dapat membantu penyelidik-penyelidik lain yang berminat untuk mengkaji pemerolehan bahasa kanak-kanak terutamanya tentang pemerolehan bahasa dan perkembangannya dari berbagai-bagai sudut dalam jangka panjang.



1.5 Batasan Kajian

Kajian ini memfokuskan perbincangan hubungan bahasa dan pemikiran kanak-kanak Melayu yang berumur dua tahun lebih terhadap perkembangan dan kemahiran berbahasa dari segi fonologi, morfologi dan cara kanak-kanak berkomunikasi di samping mengenal pasti penggunaan kata tersebut dalam pertuturan yang ada hubungan dengan situasi pada masa itu. Di samping itu, kajian ini juga akan meliputi jenis-jenis ayat yang biasa diujarkan oleh kanak-kanak pada peringkat usia sebegini.





Sinclair (1970) berpendapat bahawa perkembangan bahasa kanak-kanak menggambarkan kecekapan kognitif pusat. Kecekapan ini diperoleh oleh kanak-kanak melalui pengalaman mereka dengan objek dan tindakan dalam persekitaran mereka. Biasanya, makna ujaran kanak-kanak ini tidak semestinya sama dengan makna orang dewasa kerana makna ujaran kanak-kanak selalunya berlandaskan pola tindakan mereka sendiri. Makna ujaran kanak-kanak itu juga boleh merupakan pencirian mereka tentang kesan pola-pola tindakan itu terhadap orang lain.

Untuk kajian ini, subjek yang dipilih ialah Muhammad Faris, berusia dua tahun lebih dan merupakan anak pengkaji sendiri. Pengkaji memilih Muhammad Faris kerana dari segi usia sebegini, kanak-kanak sudah mula berfikir dan membentuk ayat. Selain itu, pada usia begini, kanak-kanak selalu bertanya untuk mengetahui sesuatu. Menurut Mangantar Simanjuntak (1990), kanak-kanak pada usia 3 hingga 4 tahun umumnya sudah pandai berbahasa.

1.6 Definisi Operasional

Kajian ini menggunakan beberapa konsep yang perlu diberi definisi merujuk khusus kepada penggunaannya. Konsep-konsep itu ialah pemerolehan bahasa, aspek fonologi, morfologi, komunikasi, sintaksis dan kanak-kanak.





1.6.1 Pemerolehan Bahasa

Menurut Mengantar Simanjuntak (1987:157), pemerolehan bahasa atau “language acquisition” ialah proses yang berlaku di dalam otak seorang kanak-kanak (bayi) sewaktu memperoleh bahasa ibunya atau bahasa pertama. Dalam hal ini dapat dijelaskan bahawa pemerolehan bahasa ialah bagaimana kanak-kanak menguasai bahasa ibunya iaitu bahasa yang pertama kali didedahkan kepadanya sejak ia dilahirkan ke dunia. Pemerolehan bahasa juga bermaksud bagaimana kanak-kanak dapat menguasai bahasa pertama tanpa melalui proses pembelajaran yang formal dan intensif.

Jamali Ismail (1980:12) pula menyatakan bahawa proses pemerolehan bahasa dalam kalangan kanak-kanak itu berlaku sedikit demi sedikit mengikut perkembangan otak, iaitu sebagai hasil perkembangan fizikal kanak-kanak itu sendiri secara keseluruhannya.

Ringkasnya, pemerolehan bahasa terdiri daripada proses-proses yang berlaku pada waktu kanak-kanak sedang menurankan (internalize) tatabahasa bahasa ibundanya dan sewaktu dia menguasai perlakuan atau penerapan tatabahasa ini dalam pemahaman dan penerbitan ayat-ayat (Mengantar Simanjuntak, 1987:158).

Dalam konteks kajian ini, pemerolehan bahasa berlaku kepada Muhammad Faris, seorang kanak-kanak yang berusia 2 tahun lebih sewaktu





kajian ini mula dijalankan, iaitu pada masa kanak-kanak tersebut sedang memperoleh pengetahuan, pemahaman dan penerbitan ayat-ayat dalam bahasa pertama sebagai satu sarana untuk mengungkap perasaan, keinginan, pendirian dan berkomunikasi.

1.6.2 Fonologi

Perolehan fonologi adalah sebahagian daripada pemerolehan bahasa yang sering juga disebut sebagai perkembangan atau pertumbuhan bahasa. Sistem bunyi (fonologi) bahasa manusia itu sangat rumit, tetapi ia mempunyai rumus-rumus atau aturan-aturan yang sistematis dan jumlah bunyinya sangat terbatas.

Kerumitan, keteraturan dan keterbatasan sistem bunyi bahasa manusia itu membuktikan bahawa ia pasti dibentuk oleh sesuatu alat biologis (semula jadi) manusia itu sendiri.

Menurut Abdul Aziz Abdul Rahman (2006:113), fonologi boleh ditakrifkan sebagai bidang kajian tentang bunyi bahasa yang berfungsi dalam sistem bunyi sesuatu bahasa. Kajian tentang bunyi bahasa ini dibuat dari segi ucapan dan kaitannya dengan simbol. Oleh itu, fonologi terbahagi kepada dua bahagian iaitu fonetik dan fonemik. Fonetik merupakan kajian yang mengkaji bunyi bahasa dari segi pendengaran, sifat-sifat bunyi, dan penyebutan. Fonetik menghuraikan bunyi-bunyi bahasa dan alat-alat penyebutan yang terlibat serta memberikan simbol kepada bunyi bahasa, dan menggolongkannya kepada





golongan bunyi bahasa. Fonemik pula merupakan kajian yang menganalisis sistem bunyi bahasa dan menghasilkan simbol untuk sistem tulisan sesuatu bahasa.

1.6.3 Morfologi

Menurut Abdullah Hassan (2006:1), morfologi ialah satu bidang ilmu yang mengkaji bentuk perkataan. Menurutnya, istilah perkataan yang dimaksudkan itu ialah bentuk perkataan yang diujarkan dalam sesuatu bahasa. Bentuk perkataan pula ialah struktur perkataan dalam bentuk ejaan yang biasa digunakan sehari-harian.



Nik Safiah Karim et. al (1994:43) pula mentakrifkan morfologi sebagai bidang yang mengkaji struktur, bentuk, dan penggolongan kata dalam Bahasa Melayu. Oleh itu, morfologi dapat dijelaskan sebagai bidang tatabahasa yang mengkaji aspek kata dari segi struktur kata, bentuk, dan pembentukan kata, dan juga golongan kata. Dari aspek morfologi ini, kanak-kanak berupaya membentuk dan memiliki perbendaharaan kata yang banyak berdasarkan peniruan perkataan daripada ibu bapa mereka. Pada kebiasaannya, perkataan-perkataan tersebut mempunyai hubungan dengan latar belakang dan persekitaran kanak-kanak. Dalam hal ini juga, kanak-kanak faham dan mengetahui makna perkataan berdasarkan tindak balas yang diperhatikan apabila perkataan itu didengar atau disebut oleh ibu bapa.



1.6.4 Komunikasi

Menurut Hashim Fauzy Yaacob (2001:1) yang dipetik daripada International Encyclopedia of Social science, menyatakan bahawa komunikasi adalah penyampaian maklumat melalui satu perutusan yang mempunyai pelbagai atau sedikit makna melalui simbol-simbol yang dialirkan daripada satu individu kepada individu yang lain, daripada seorang anggota kumpulan atau kumpulan kepada anggota kumpulan atau kumpulan yang lain. De Vito (1978) menyatakan komunikasi ialah proses menghantar dan menerima mesej antara dua peribadi dengan beberapa kesan dan maklum balas yang serta merta. Hybels dan Weaver II (1995) pula menyatakan bahawa komunikasi ialah sebarang proses yang melibatkan manusia berkongsi maklumat, idea, dan perasaan. Berdasarkan definisi tersebut, dapat dijelaskan bahawa semasa berkomunikasi, peserta akan menghantar sebarang maklumat, idea atau perasaan mereka kepada orang lain. Maklumat, idea atau perasaan itu akan dikongsi oleh orang lain dan biasanya akan ditindak balas kembali kepada penyampai maklumat tersebut.

Bayi atau kanak-kanak sejak dilahirkan telah menunjukkan cara mereka berkomunikasi, namun komunikasi yang ditunjukkannya ialah melalui isyarat-isyarat yang boleh difahami oleh orang yang hampir dengannya sahaja, iaitu ibunya. Isyarat-isyarat tertentu yang ditunjukkannya itu adalah sebagai pengganti bahasa untuk menyatakan rasa dan hasratnya, yakni dengan cara menangis, ketawa, dan juga dengan gerak tangan atau kaki. Isyarat-isyarat seperti inilah yang merupakan permulaan dalam komunikasi antara manusia. Kelakuan bayi



dalam keadaan prabahasa itu jelas menunjukkan kepada kita bahawa komunikasi yang dilakukannya adalah untuk keperluan asas, iaitu sebahagian besarnya merupakan keperluan jasmaniah yang memadai disampaikan dengan isyarat.

Apabila bayi itu telah meningkat usianya, ia akan berkomunikasi dengan menggunakan ujaran satu kata, telegrafik dan sebagainya. Pada peringkat ini ibu bapa dapat mentafsirkan ujaran seperti ini dan bertindak balas terhadapnya, dan dengan itu perbualan antara keduanya adalah mungkin. Bahasa digunakan dengan penuh makna. Pertuturan kanak-kanak kecil ini hanya boleh difahami mengikut konteks. Kalau seseorang kanak-kanak mengucapkan *daddy* apabila merujuk pada gambar bapanya, fungsi ujarannya adalah penamaan; manakala kalau dia mengucapkan *daddy* bila mendapat selipar bapanya, dia menyampaikan perkaitan tertentu sama ada milik atau hubungan kebiasaan antara bapanya dengan objek, tanpa menamakan objek tersebut.

1.6.5 Sintaksis

Menurut Abdullah Hassan et.al (2006:1), ayat terdiri daripada perkataan-perkataan yang disusun dalam susunan dan kelompok-kelompok tertentu. Setiap kelompok perkataan disusun dengan lengkap, dan susunan yang lengkap itu mempunyai makna yang lengkap. Menurutny lagi, setiap satu kelompok tersebut mengandungi sekurang-kurangnya dua bahagian, iaitu subjek dan predikat.



Ahmad Khair Mohd Nor, (2003:2) menjelaskan bahawa sintaksis merupakan istilah untuk mengkaji pembentukan ayat, iaitu bagaimana morfem dan kata disusun menjadi unit sintaksis yang kecil iaitu frasa, klausa dan ayat yang merupakan unit yang terbesar.

Dalam konteks kajian ini, sintaksis dirujuk kepada jenis-jenis ayat dalam bahasa Melayu dan binaan ayat yang dihasilkan oleh Muhammad Faris.

1.6.6 Kanak-Kanak

Jamaluddin Othman et.al (1982:197), mendefinisikan kanak-kanak sebagai budak lelaki atau perempuan yang masih kecil (biasanya berumur 7 tahun). Menurut Atan Long (1982:289), kanak-kanak pada peringkat 5 hingga 6 tahun, pertuturan mereka bertambah menjadi pertuturan bermasyarakat, iaitu pertuturan yang diucapkan untuk membuat perhubungan dengan orang lain.

Dalam konteks kajian ini, kanak-kanak tersebut ialah Muhammad Faris yang berusia 2 tahun lebih sewaktu kajian ini mula dijalankan.